

LEMBARAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans SME BI 365

NOTA PENTING: Sila baca Lembaran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Kerugian Tuntutan (Bukan Tarif). Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut **Perenggan 5 Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon untuk Insurans ini semata-mata **untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah munasabah untuk tidak melakukan sebarang salah nyata apabila menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk insurans ini). Anda mesti menjawab soalan-soalan dengan sepenuhnya dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah-langkah munasabah untuk menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma-terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pernyataan di atas akan berterusan sehingga masa kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Selain daripada menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini), anda perlu mendedahkan sebarang perkara lain yang anda tahu akan berkaitan keputusan kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma dikenakan. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dikuatkuasakan, diubah atau diperbaharui dengan kami, mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut **Perenggan 4(1) Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon untuk insurans ini **untuk tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu berkaitan dengan keputusan kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang boleh dijangka diketahui oleh orang yang munasabah dalam keadaan itu sebagai relevan; jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan term-terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pernyataan di atas akan berterusan sehingga masa kontrak insurans anda dikuatkuasakan, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dikuatkuasakan, diubah atau diperbaharui dengan kami mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

1. **Apakah produk ini?**

Polisi ini memberikan anda perlindungan bagi kehilangan hasil bersih dan peningkatan kos kerja disebabkan sebarang gangguan perniagaan akibat kebakaran, kilat, letupan domestik dan/atau sambungan lain yang dilanjutkan.

2. **Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?**

Polisi ini melindungi:

- Kehilangan Hasil Bersih
- Peningkatan Kos Kerja

Anda boleh memperluaskan perlindungan untuk meliputi lanjutan berikut dengan membayar premium tambahan:

- Pembunuhan, bunuh diri, haiwan perosak, keracunan makanan atau minuman; atau kerosakan kemudahan kebersihan
- Halangan Akses
- Utiliti Awam

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



1 800 88 3833



customer@kurnia.com



www.kurnia.com

Sebagai tambahan, anda boleh menginsuranskan yuran Juruaudit (dengan jumlah diinsuranskan yang diisytiharkan berasingan) sebagai butiran tambahan di bawah polisi.
Tempoh perlindungan ialah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar adalah berbeza bergantung kepada perniagaan dan klasifikasi pembinaan anda, jumlah diinsuranskan dan termasuk keperluan pengunderaitan kami:

Jumlah Diinsuranskan : RM _____

Kadar Dikenakan : _____%

Lanjutan Perlindungan Tambahan : RM _____

Anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar ialah : RM _____

Nota: Polisi ini tertakluk kepada premium minimum RM75.00

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj yang perlu anda bayar ialah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen atau apabila melibatkan pengantara	15% daripada premium

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang saya harus ambil perhatian?

Antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus anda beri perhatian ialah:

- Anda boleh menginsurans berdasarkan jumlah anggaran dengan mengambil kira Hasil Bersih anda bagi tahun sebelumnya, seperti yang tertera dalam penyata akaun anda serta unjuran keuntungan bagi tahun semasa, jika ada. Sekiranya jumlah sebenar yang diperolehi kurang daripada jumlah anggaran diinsuranskan, pulangan premium prorata tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada premium sementara yang dibayar akan dibuat bagi perbezaan tersebut.
- Polisi ini akan tamat jika syarikat anda dibubarkan atau diteruskan oleh Pelikuidasi atau Penerima atau digulungkan secara kekal.
- Anda mesti memaklumkan pengantara insurans anda atau kami secara bertulis tentang sebarang perubahan material dalam tempoh polisi supaya pindaan yang diperlukan diendors pada polisi anda.
- Insurans ini tertakluk kepada Waranti Premium 60 hari, iaitu premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh pihak kami dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, polisi ini dibatalkan secara automatik dan kami berhak untuk menerima premium prorata sepanjang tempoh kami menanggung risiko.

Nota: Polisi Insurans SME Business Interruption 365 hanya boleh diberikan kepada anda apabila polisi Fire De-tariff Material Damage diambil daripada kami.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- Kerugian akibat kejadian luar biasa yang berlaku semasa gangguan.
- Kerugian akibat sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terhadap pembinaan semula atau operasi perniagaan.
- Kerugian disebabkan kekurangan modal secukupnya untuk membaik pulih atau menggantikan harta benda yang musnah, rosak atau hilang tepat pada masanya.
- Kerugian disebabkan oleh pembakaran harta benda atas perintah mana-mana Pihak Berkuasa Awam.
- Kebakaran bawah tanah, letupan dan pembakaran spontan
- Peperangan, Perang Saudara dan sebarang tindakan Keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai pengecualian penuh di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimana saya membatalkannya?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Berikutan pembatalan anda berhak menerima jumlah premium yang akan dikembalikan setelah ditolak dengan premium berdasarkan kadar jangka tempoh singkat kami untuk tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang harus dikekalkan oleh kami. Pemulangan premium tidak dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi.

*** Jadual Kadar Tempoh Singkat**

Tempoh Insurans	Pemulangan Premium Tahunan
Tidak melebihi 15 hari	90%
Tidak melebihi 1 bulan	80%

Tidak melebihi 2 bulan	70%
Tidak melebihi 3 bulan	60%
Tidak melebihi 4 bulan	50%
Tidak melebihi 5 bulan	40%
Tidak melebihi 6 bulan	30%
Tidak melebihi 7 bulan	25%
Tidak melebihi 8 bulan	20%
Tidak melebihi 9 bulan	15%
Tidak melebihi 10 bulan	10%
Tidak melebihi 11 bulan	5%
Melebihi 11 bulan	Tiada pengembalian premium dibenarkan

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran hubungan saya?
Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?
Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi kami di:

Liberty General Insurance Berhad
Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Hubungan Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
No. Tel : +603 2268 3333 (Talian Am) atau

Maklumat hubungan untuk semua jenama kami boleh didapati di bawah:

Saluran Hubungan Liberty Insurance
Talian Khas Liberty Insurance: 1300 888 990
E-mel: customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web: www.libertyinsurance.com.my

Saluran Hubungan Kurnia Insurans
Talian Khas Kurnia Insurans: 1 800 88 3833
E-mel: customer@kurnia.com
Laman Web: www.kurnia.com

Saluran Hubungan AmAssurance
Talian Khas AmAssurance Insurance: 1 800 88 6333
E-mel: customer@amassurance.com.my
Laman Web: www.amassurance.com.my

10. Jenis perlindungan insurans serupa lain yang boleh didapati:

- Loss of Profit (Enhanced)
- Fire Consequential Loss 365

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN BAHAWA HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG SEWAJARNYA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia untuk mengurus niaga semua kelas perniagaan insurans am.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pemberitahuan ini diterbitkan pada 23/01/2025 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.